



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426

ukk@dof.gov.my

<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(160)

SIARAN MEDIA

DOF RAIKAN 100 TAHUN PENGANJURAN MAHA 2024

SERDANG, 14 SEPTEMBER 2024 – Bersempena penganjuran 100 tahun Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mencipta rekod yang diiktiraf oleh The Malaysia Book Of Records (MBOR) dengan penghasilan formasi sandwich tuna '100 TAHUN MAHA 2024' yang disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan Hussain, berkata penghasilan formasi sandwich tuna '100 TAHUN MAHA 2024' ini pertama kali dihasilkan di Malaysia dengan mendapat kerjasama Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia.

"Proses penyediaan sandwich ini melibatkan seramai 41 orang pelajar dan sembilan orang kakitangan dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia. Manakala bagi, penyediaan formasi '100 TAHUN MAHA 2024' pula dilakukan dengan kerjasama pelajar dan kakitangan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia bersama-sama pegawai dan kakitangan dari Jabatan Perikanan Malaysia.

"Pemilihan ikan tuna adalah bagi mempromosikan kepada orang awam mengenai khasiat ikan tuna yang kaya dengan protein, Omega-3 serta Vitamin B dan D. Formasi ini menggunakan sebanyak 8,000 unit sandwich yang menghasilkan saiz keseluruhan 13 meter x 8 meter bersamaan 104 meter persegi. Penyediaan Sandwich ini telah bermula dari 11 September 2024 sehingga ke hari ini, 14 September 2024," ujarnya.

Dalam majlis yang sama, Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut menyempurnakan program pelepasan 100 ekor induk ikan asli di Tasik MAEPS. Sebanyak lapan spesies induk ikan dilepaskan terdiri daripada kelah, terbul, lampam sungai, kerai, baung, kaloi, sebarau dan tapah bernilai RM13,000. Pelepasan ini bertujuan untuk memperkukuhkan sumber perikanan darat bagi menjamin sekuriti makanan. Selain itu, program ini juga sebagai simbolik untuk meraikan 100 Tahun penganjuran MAHA.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan